

17/02/1998

Pertemuan PM, Goh penting

KUALA LUMPUR, Isnin - Hubungan antara Malaysia dan Singapura yang tegang berikutan kenyataan Lee Kuan Yew mengenai kadar jenayah di Johor tahun lalu, pulih semula selepas pertemuan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Goh Chok Tong di sini, hari ini.

"Ia kembali seperti biasa seperti sebelum kita mempunyai masalah dulu," kata Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selepas pertemuan dua pemimpin itu di Pejabat Perdana Menteri, di sini.

Hubungan Malaysia-Singapura tegang ekoran kenyataan Lee, bekas Perdana Menteri yang kini Menteri Kanan republik itu awal tahun lalu `Johor tidak selamat kerana terkenal dengan kes tembak-menembak, samun dan merampas kereta'.

Sebelum itu, Lee dalam satu kenyataan pada Jun 1996 turut menuduh Kerajaan Malaysia tidak mengamalkan meritokrasi.

Pertemuan itu, yang ketiga tahun ini, berlangsung kira-kira 90 minit sebelum kedua-dua Perdana Menteri menghadiri mesyuarat peringkat delegasi hampir sejam.

Abdullah berkata, kedua-dua negara bersetuju diwujudkan mekanisme peringkat kementerian bagi menangani masalah berbangkit, kecuali isu kritikal yang memerlukan pemimpin kedua-dua negara berbincang menanganinya.

Menyifatkan pertemuan Dr Mahathir-Goh itu sangat penting dalam konteks hubungan dua hala Malaysia-Singapura, beliau berkata kedua-dua Perdana Menteri turut membincangkan isu tuntutan bertindih Pulau Batu Putih, perjanjian bekalan air yang belum selesai, pembangunan tanah milik Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di Singapura dan pelancongan.

"Dengan pertemuan ini, hubungan Malaysia-Singapura pulih sepenuhnya. Ia berlangsung dengan penuh semangat kerjasama. Malaysia dan Singapura akan sama-sama bekerja menjamin kedua-dua pihak mendapat faedah daripada kerjasama itu dengan semangat memakmurkan jiran," katanya.

Mengenai kegawatan ekonomi dan kejatuhan nilai mata wang serantau, beliau berkata, kedua-dua pemimpin bersetuju Malaysia dan Singapura perlu bekerjasama untuk memulihkan keadaan berkenaan.

Kedua-dua pemimpin itu bersetuju butir perbincangan mereka dikeluarkan esok dalam bentuk pernyataan sebelum Goh bertolak ke Melaka dalam perjalanan pulang ke Singapura.

Pernyataan bersama esok dijangka memperkatakan soal keprihatinan kedua-dua negara berhubung perkembangan di Indonesia yang dicetus oleh krisis ekonomi di republik berkenaan.

(END)